

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/2006**

=====

**PENGENAAN CARUMAN INFRASTRUKTUR SOSIAL BAGI
PEMBANGUNAN KURANG DARI 10 EKAR DALAM
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1** Pekeliling ini bertujuan memaklumkan dan memberi garis panduan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri terhadap pengenaan **Caruman Infrastruktur Sosial** bagi kelulusan pembangunan tanah yang melibatkan tukar syarat dan pemberimilikan tanah untuk tujuan bangunan dan industri atau kedua-duanya sekali yang kurang dari 10 ekar.

2. LATARBELAKANG

- 2.1** Pembangunan tanah kurang dari 10 ekar terlepas **daripada mematuhi syarat-syarat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sosial kerana tidak tertakluk kepada garis panduan dan piawaian perancangan minima Pihak Berkuasa Tempatan.** Projek-projek pembangunan seperti ini apabila berkembang boleh membentuk satu perbandaran baru atau '**new growth center**' tanpa kemudahan infrastruktur sosial yang lengkap seperti balai polis, surau, balai raya, pasar dan sebagainya.
- 2.2** Caruman infrastruktur sosial dikenakan terhadap pembangunan kawasan yang kurang dari 10 ekar bagi menampung penyediaan infrastruktur sosial yang diperlukan oleh masyarakat setempat dan akan

dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Infrastruktur Sosial.

2.3 Hasil kutipan caruman ini boleh digunakan untuk tujuan:-

- i. **mendapatkan mana-mana tanah sesuai bagi penyediaan kemudahan awam menerusi urusan pengambilan balik tanah;**
- ii. **membangunkan kemudahan sosial yang dimaksudkan di atas tanah tersebut; dan**
- iii. **meningkatkan taraf kemudahan sosial kawasan setempat.**

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Kadar caruman yang dikenakan adalah mengikut kawasan iaitu:-

- i. Dalam Lembah Klang : **RM50,000.00/ekar; dan**
- ii. Luar Lembah Klang : **RM35,000.00/ekar**

3.2 Tanah Rizab Melayu adalah **dikecualikan dari pengenaan Caruman Infrastruktur Sosial** bagi mengekalkan kekuatan pasaran dan pembangunan hartanah di atas Tanah Rizab Melayu.

3.3 Tanah yang berkeluasan **1 ekar dan kurang darinya adalah dikecualikan daripada pengenaan Caruman Infrastruktur Sosial** sebagaimana pengenaan Caruman Parit dan Taliair oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

3.4 Wang caruman hendaklah dikutip oleh Pentadbir Tanah Daerah dan disalurkan ke dalam **Tabung Amanah**

Infrastruktur Sosial yang dikawal oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

3.5 Caruman Infrastruktur Sosial ini hendaklah dijadikan **syarat tambahan** dalam setiap **kelulusan tukar syarat dan pemberimilikan tanah kerajaan** untuk tujuan bangunan dan industri.

3.6 Tatacara pengurusan dan penggunaan wang caruman akan ditentukan **berdasarkan Tatacara Pengurusan Akaun Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor.**

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 20.12.2005 mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Perumahan Bil.8/2005.

5. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai terhadap pembangunan **melebihi 1 ekar** tetapi **kurang dari 10 ekar** untuk tujuan bangunan dan industri sahaja.

T.T
(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)
Pengarah Tanah dan Galian Selangor

Tarikh : 19 APRIL 2006

Dibatalkan dengan pekeling Bil.4 Tahun 2007.